

Headline	MRCB – George Kent JV dilantik rakan penyampaian projek LRT3
MediaTitle	Berita Harian Online
Date	4 September 2015



JUMAAT, 4 SEPTEMBER 2015 @ 4:11 PM

MRCB-George Kent JV dilantik rakan penyampaian projek LRT3 (/node/79476)

Oleh Mahanum A Aziz

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan bersetuju melantik MRCB-George Kent JV sebagai rakan penyampaian projek (PDP) untuk projek Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3).

Perlantikan itu diumumkan Pengerusi Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd, Tan Sri Ismail Adam sebentar tadi.

Pengarah Urusan, Datuk Azmi Abdul Aziz, berkata projek itu dijangka menelan kos kira-kira RM9 bilion, tidak termasuk kos pembelian tanah.

"Projek itu dijangka siap pada 31 Ogos, 2020. Ia akan menyediakan perkhidmatan kepada lebih dua juta komuter di sepanjang jajaran dan akan menghubungkan Bandar Utama, Damansara dan Johan Setia di Klang menjelang 2025," katanya di sini, hari ini.

Azmi berkata, Prasarana akan membiayai projek itu menerusi terbitan sukuk di mana kadar kupon akan diputuskan kemudiannya.

Beberapa institusi kewangan berminat untuk membiayai projek itu, katanya.